

Lumba Haram: Hanya Melalui Sebat Baru Mereka Insaf

Tidak takutkan polis, tidak kisah mati; patutkah mereka dikasihani?

ANTARA isu yang hangat diperkatakan dalam media massa sejak lebih seminggu lalu adalah kegiatan lumba haram dan ia menarik perhatian kerana sekumpulan pelumba haram di Kedah telah membelasah seorang pemimpin UMNO sehingga patah beberapa batang gigi. Kes ini turut mendedahkan satu perkara yang memerlukan perbincangan serius pihak berkuasa, ahli-ahli agama dan tokoh-tokoh masyarakat mengenai nilai moral dan tata-susila membabitkan belia negara ini masa kini.



Kita bimbang jika langkah tegas dan berkesan tidak diambil segera, Malaysia akan melahirkan lebih banyak samseng jalan raya yang tidak lagi takut kepada undang-undang negara.

Fenomena yang berlaku sejak beberapa tahun kebelakangan ini juga menunjukkan pemuda dan remaja Melayu paling banyak terbabit dalam budaya samseng di jalan raya terutama dalam perlumbaan haram membabitkan motosikal manakala belia kaum lain banyak terbabit dalam perlumbaan kereta.

Kecenderungan belia dan remaja kita untuk melibatkan diri dalam perlumbaan haram semakin menjadi-jadi kerana polis sendiri terdedah kepada kritikan sesetengah pihak apabila terlalu bertegas ketika bertindak ke atas para pelumba haram.

Ini diakui sendiri oleh Timbalan menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung, baru-baru ini. Timbalan Menteri itu turut mencadangkan agar pihak berkuasa menggantung lesen seumur hidup ke atas mereka yang terlibat beberapa kali dalam perlumbaan haram.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim pula berkata, kerajaan bersedia memperkenalkan hukuman lebih berat termasuk sebat ke atas pelumba haram. Bagaimanapun, menteri itu masih kuat berpendapat bahawa hukuman sedia ada sudah mencukupi.

Majlis Belia Malaysia (MBM) pula menggesa polis agar membakar motosikal yang dirampas daripada pelumba-pelumba haram seperti mana pihak berkuasa membakar barang-barang kes seperti dadah dan cakera padat video (VCD) cetak rompak. Langkah itu mungkin sukar dilaksanakan kerana akan mencetuskan banyak bantahan.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein Onn tidak bersetuju dengan hukuman sebat ke atas pelumba haram tetapi sebaliknya mahu mencari seorang pelumba handalan negara sebagai *role model* kepada belia agar tidak terbabit dalam kegiatan haram tersebut.

Sebenarnya, bagi penulis, hukuman sedia ada yang dikenakan ke atas pelumba haram masih terlalu ringan dan 'tidak menggerunkan' berbanding bahaya yang bakal mereka timbulkan kepada orang lain. Kebanyakan pelumba haram tidak lagi takut kepada polis. Banyak kes anggota polis trafik yang menjadi mangsa rempuhan pelumba haram.

Jika polis pun mereka tak takut, apalagi orang awam. Bagi mereka yang pernah terserempak dengan aksi pelumba haram itu, gelagat mereka cukup mengerikan.

Motosikal mereka yang ditunggang laju akan menyelit secara



Sekumpulan remaja pelumba haram sedang ditahan polis.

bahaya di hadapan kenderaan lain dan bayangkan tindak balas yang bakal diterima oleh pemandu kereta jika melanggar salah sebuah daripada motosikal kumpulan pelumba haram itu.

Selain itu, aksi ganas mereka apalagi jika membabitkan perlumbaan haram menggunakan kereta boleh mengakibatkan korban nyawa kepada pengguna lain sekiranya berlaku nahas ekoran ada kenderaan yang terbabas gara-gara sikap biadab pelumba haram terbabit.

Saya bukannya tidak bersetuju dengan pandangan Rais bahawa hukuman sedia ada sudah memadai atau pendapat Hishammuddin yang mahu mendapatkan khidmat pelumba profesional sebagai *role model* tetapi perkembangan sekarang menunjukkan bahawa belia kita amat sukar untuk berubah.

Jika ulama-ulama dan pak ustaz sama ada di sekolah atau masjid termasuk melalui khutbah Jumaat sering berpesan agar menjadikan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai contoh umat Islam tidak dihayati oleh ramai umat Islam, inikan pula manusia lain.

Hanya hukuman sebat saja dirasakan boleh menggerunkan belia dan remaja kita daripada menyalahgunakan motosikal atau kereta mereka dengan terbabit dalam perlumbaan haram.

Jika warga Indonesia boleh digerunkan dengan hukuman sebat sehingga tidak ramai lagi berani masuk secara haram ke Malaysia, maka hukuman yang sama boleh menjadi penggerun kepada golongan pelumba haram.

Melalui bentuk hukuman berat seperti sebat itu, kerajaan membantu meringankan tugas polis trafik yang terpaksa bertarung dengan maut apabila berurusan dengan para pelumba haram di negara ini.

Adalah wajar kerajaan memperkenalkan hukuman sebat itu dulu. Kita lihat hasilnya. □